

# 20

## Meningkatkan Pemerolehan Kosa Kata Pelajar Melalui Wadah Penyaring Instagram

Sekolah Menengah Ang Mo Kio



**Siti Radziah Mustafa**

siti\_radziah\_mustafa@schools.gov.sg



**Zulfiqar Sukiman**

zulfiqar\_sukiman@schools.gov.sg

### Abstrak

Kajian ini merupakan satu usaha penerokaan wadah pembelajaran untuk meningkatkan keseronokan dan seterusnya merangsang minat dalam proses memperoleh dan memperkaya kosa kata pelajar Menengah 3 Ekspres. Dengan menggunakan penyaring (*filter*) Instagram yang interaktif dan menyeronokkan, para pelajar dapat mengalih kosa kata daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu untuk meningkatkan nilai tambah dalam pembelajaran mereka berdasarkan tema-tema dalam sukatan pelajaran buku Jauhari. Berdasarkan maklum balas daripada pelajar, penggunaan wadah ini telah membuat proses pemerolehan kosa kata baharu lebih menarik. Pelajar juga lebih mudah mengingat kosa kata baharu berdasarkan interaksi dan keberkesanan maklum balas yang mereka terima melalui penggunaan aplikasi penyaring di Instagram.

**Kata Kunci:** Instagram, kosa kata, visible learning feedback, gamification, warga digital, penyaring alih kata

## PENGENALAN


Para guru kini berhadapan dengan pelajar yang tergolong dalam kalangan warga digital, atau *digital natives*. Setiap daripada mereka tentunya lebih selesa menggunakan alat teknologi dalam semua aspek kehidupan mereka, termasuk dalam pembelajaran. Pada masa yang sama, bahasa komunikasi mereka bukan lagi Bahasa Ibunda, tetapi merupakan bahasa Inggeris, sehingga terdapat rencana di akhbar tempatan (Hussain, 2021) yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu di rumah kian menurun, daripada 82.7% pada 2010 ke kepada 60.7% sahaja sedekad kemudian.

Lantas, kini timbul keperluan untuk mengajar kosa kata bahasa Melayu secara eksplisit disebabkan perubahan profil pelajar kita dalam penggunaan bahasa. Dalam konteks pemilihan bahan bacaan pula, bahan bacaan akan beralih daripada bahan bacaan genre naratif kepada bahan bacaan jenis ekspositori. Menurut Hanson dan Padua (2011), bahan-bahan bacaan ekspositori ini seringkali mempunyai isi yang lebih kompleks dan memerlukan pemerolehan dan pemahaman kosa kata yang lebih spesifik, terutamanya terhadap isu-isu terkini.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam masa sedekad ini, ada banyak konsep dan idea baharu yang terungkap bersesuaian dengan kepesatan perubahan dunia yang berlaku. Disebabkan selang masa yang agak lama sebelum istilah-istilah itu dialih bahasa kepada bahasa Melayu, ramai pelajar yang hanya mengetahui istilah-istilah tersebut dalam bahasa asal atau sumber, iaitu bahasa Inggeris dan bukan bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu. Pengambilan masa yang panjang untuk menantikan terjemahan yang diperlukan dalam bahasa Melayu telah menjadikan para pelajar lebih cenderung untuk menggunakan perkataan atau istilah dalam bahasa Inggeris sebagaimana dalam bentuk asalnya. Hal ini tentu sekali menghambat perbincangan di dalam bilik darjah dan secara tidak langsung menghambat pemerolehan kosa kata yang tepat untuk memperjelas konsep serta isu yang memerlukan penggunaan istilah-istilah khusus dalam bahasa Melayu.

Lantaran, timbullah keperluan untuk memastikan pemerolehan kosa kata dan istilah-istilah yang terkini dan mudah diakses oleh pelajar yang merupakan warga digital. Diharapkan ini dapat menarik semula minat pelajar



dan melestarikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dinamik dan relevan dalam kalangan pelajar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan pemerolehan kosa kata pelajar mengenai istilah-istilah terkini; dan
2. meneliti keberkesanan wadah penyaring instagram alih kata untuk menjadikan proses pemerolehan kosa kata lebih menarik.

## KAJIAN LEPAS

Graves, dalam Hanson dan Padua (2011), menegaskan bahawa terdapat empat komponen penting dalam pengajaran kosa kata, iaitu menyediakan pengalaman bahasa yang pelbagai, mengajar kosa kata secara eksplisit, mengajar strategi pembelajaran kosa kata dan menerapkan kesedaran tentang kosa kata kepada pelajar.

Salah satu komponen yang dikenal pasti sebagai isu penting dalam kajian ini ialah penerapan kesedaran berkaitan kosa kata dalam diri para pelajar. Para pelajar perlu tahu kewujudan sesuatu perkataan sebelum istilah-istilah itu diolah dan diberikan pengertian yang sewajarnya mengikut konteks penggunaannya. Selain daripada permainan kata, penggunaan kosa kata secara eksplisit dalam pelbagai bentuk seperti peribahasa mahupun yang bersifat figuratif merupakan cara-cara yang berkesan bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap perkataan-perkataan yang baharu.

Peranan guru dalam meningkatkan kosa kata pelajar amat penting untuk menarik minat pelajar mempelajari kosa kata baharu. Hanson dan Padua (2011), memberi penekanan terhadap kepelbagaian cara yang boleh dilakukan oleh guru bagi membantu pelajar menggunakan kosa kata baharu dalam kehidupan seharian. Pelajar perlu melihat bagaimana perkataan yang baharu itu relevan digunakan dalam pertuturan seharian mereka. Mereka juga melihat kekerapan penggunaan perkataan itu dalam konteks situasi formal mahupun secara tidak formal.

Nutshell dan Alton-Lee dalam Hattie dan Clarke (2018), menekankan kepentingan memberi maklum balas dalam pembelajaran pelajar pada masa yang tepat. Hal ini penting kerana mereka mendapati bahawa pelajar memerlukan pendedahan kepada maklumat yang baharu sekurang-kurangnya tiga hingga lima kali semasa berinteraksi. Selain itu, penggunaannya yang betul agar maklumat tersebut dapat kekal dalam minda pelajar, tanpa mengira tahap pencapaian pelajar itu. Namun, bentuk penyampaian maklumat itu perlu dipelbagaikan, disertakan dengan maklum balas yang bertepatan antara tiga hingga lima interaksi antara pelajar dengan maklumat baharu tersebut, dengan menggunakan medium yang berbeza.

Dengan menggunakan konsep *flipped classroom*, para pelajar kini lebih mempunyai lebih banyak masa untuk memahami apa yang bakal diajar di dalam bilik darjah dan dapat mengambil bahagian secara aktif walaupun mereka melakukan pembelajaran secara sendiri. Kaedah ini juga dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar. Mereka juga boleh bertanya secara langsung kepada guru seandainya ada kemusykilan tentang aktiviti yang perlu mereka lakukan sebelum memasuki bilik darjah. Selain itu, konsep pembelajaran ini menyediakan lebih banyak masa untuk berinteraksi dan pembelajaran yang lebih aktif, kreatif dan efektif di dalam bilik darjah bersama guru dan rakan-rakan lain (Nouri, 2016).

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian eksperimen yang bertujuan untuk meneliti keberkesanan penyaring Instagram Alih Kata yang direka sebagai alat PdP kosa kata yang baharu. Kaedah kajian yang telah dijalankan bersifat kuantitatif dan kualitatif. Berikut merupakan penerangan ringkas mengenai dua proses pengajaran dalam penerapan Amalan Pengajaran Singapura (STP).

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang Minat	AM 1: Menggunakan Cerita dan Imejan  Penggunaan wadah media sosial dapat meningkatkan keseronokan dalam pembelajaran yang bersesuaian dengan profil pelajar masa kini.

Penilaian dan Maklum Balas	AP 23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	AM 1: Mempamer Pemahaman Saya Melalui Peta Minda  Mempamer kebolehan memperoleh kosa kata dengan penggunaan penyaring Instagram Alih Kata, pelajar dapat mengaitkan pengetahuan sedia ada dan belajar secara sendiri.
Penerangan dan Justifikasi	Penggunaan peralatan ICT seperti wadah media sosial dapat merangsang minat pelajar dan membolehkan pembelajaran berlangsung di dalam dan di luar bilik darjah. Pemilihan Aktiviti Mengajar dan Aspek Pengajaran dalam Proses Pengajaran disusun dan disesuaikan dengan keperluan dan profil pelajar. Sebagai warga digital, guru dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan pelibatan pelajar dalam proses pembelajaran kosa kata.	

## Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 10 pelajar Bahasa Melayu, Menengah 3 aliran Ekspres. Pelajar terdiri daripada kumpulan tahap pencapaian dan mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Sebahagian besar pelajar ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Kesemua pelajar mempunyai akaun Instagram dan boleh mengakses aplikasi tersebut.

## Instrumen Kajian

Penyaring Instagram Alih Kata ini dihasilkan melalui sofwe Sparks AR Studio yang direka khas setelah guru mendapati pelajar gemar menggunakan penyaring-penyaring Instagram yang popular sebagai hiburan. Guru menggabungkan elemen hiburan ini dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan mencipta penyaring Instagram yang bertujuan untuk membantu para pelajar memperoleh kosa kata baharu dengan cara yang lebih menarik.

Penyaring Instagram Alih Kata menyediakan wadah pembelajaran yang interaktif dan boleh digunakan dengan mudah. Senarai kosa kata mengikut tema dapat diakses dan diulang kaji. Dalam permainan ini, pelajar diberikan enam saat untuk meneka setiap perkataan dalam bahasa Melayu yang dialih bahasa daripada bahasa Inggeris sebelum jawapannya muncul. Perkataan yang ditunjukkan di skrin diberikan secara rawak. Senarai kosa kata bertema Istilah Terkini digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Gambar 1: Contoh Istilah Terkini



Jadual 2: Senarai Kosakata yang Digunakan untuk Kajian

No.	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
1	<i>Countdown</i>	Kira detik
2	<i>Online</i>	Dalam talian
3	<i>Offline</i>	Luar talian
4	<i>Keyboard warrior</i>	Jaguh siber
5	<i>Scroll</i>	Tatal
6	<i>Wefie</i>	Swafoto bersama
7	<i>Trending</i>	Sohor kini
8	<i>Hashtag</i>	Tanda pagar
9	<i>Crowdsourcing</i>	Sumber khalayak
10	<i>Viral</i>	Tular
11	<i>Keyboard</i>	Papan kekunci
12	<i>Posting</i>	Hantaran
13	<i>Photobomb</i>	Tunafoto
14	<i>Teaser</i>	Iklan acah
15	<i>Emoticon</i>	Emotikon

Bagi kajian ini, pautan Penyaring Instagram Alih Kata telah diberikan kepada pelajar. Guru mewajibkan pelajar mencuba terlebih dahulu penguasaan kosakata mereka sebelum memasuki bilik darjah dan mengambil bahagian dalam pembelajaran kosakata tersebut secara eksplisit dengan guru.

### Prosedur Kajian

Empat langkah yang telah diambil bagi kajian ini merupakan simulasi sebuah bentuk pengajaran tipikal dengan menggunakan kaedah *flipped classroom* dapat dilihat dalam Rajah 1:


Rajah 1: Aliran Prosedur Kajian




## 1. Tinjauan Awal

Tinjauan awal telah dilakukan setelah guru mendapati pelajar sukar mendapatkan dan menggunakan kosa kata bahasa Melayu dengan tepat dalam perbincangan dan penulisan, terutama yang berkaitan dengan istilah-istilah baharu. Melalui wadah Google Forms, pelajar telah mencatatkan penilaian mereka sendiri terhadap cabaran-cabaran yang mereka hadapi dalam pemerolehan kosa kata Bahasa Melayu, seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 2.

Rajah 2: Respons Pelajar tentang Cabaran Pemerolehan kata Bahasa Melayu





Para pelajar boleh memilih lebih daripada satu pilihan yang mereka rasa menghambat pemerolehan kosa kata baharu masing-masing. Berdasarkan 10 orang responden, 80% menyatakan bahawa cabaran yang mereka hadapi berpunca daripada kebiasaan berfikir dalam bahasa Inggeris, diikuti dengan kurang pendedahan kepada kosa kata baharu sebanyak 60%, sementara 40% menganggap pembelajaran pemerolehan kosa kata kurang menarik. Peratusan yang sama mengatakan bahawa ketiadaan senarai bertema merupakan cabaran kepada pemerolehan kosa kata mereka.

## **2. Penyaring Instagram Alih Kata**

Guru memperkenalkan kepada pelajar penyaring Alih Kata, fungsi dan cara untuk mengaksesnya. Pelajar diberikan sehari untuk mencuba penyaring tersebut di rumah.

## **3. Pembelajaran Formal**

Setelah menggunakan penyaring Instagram Alih Kata, guru akan mengimbas kembali kosa kata yang telah dipelajari secara eksplisit. Pembelajaran formal yang dilakukan di dalam bilik darjah ini bertujuan untuk mengaitkan perkataan-perkataan yang ditemui dalam konteks supaya pelajar dapat memahami penggunaannya dan lantas memahami maksud perkataan tersebut dengan lebih baik.

## **4. Maklum Balas Pelajar**

Setelah selesai melalui dua proses pembelajaran ini, pelajar dikehendaki melengkapkan borang maklum balas tentang keberkesanan penggunaan penyaring Instagram Alih Kata dalam pemerolehan kosa kata baharu.

# **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Tujuan penggunaan penyaring Instagram Alih Kata bukan hanya untuk meningkatkan keseronokan pelajar tetapi merupakan satu kaedah pengajaran yang dapat digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pemerolehan kosa kata para pelajar.

Menurut Kim, et al. (2018), selain daripada meningkatkan pelibatan dan motivasi pelajar, gamifikasi juga dapat menambah nilai dalam mengingat dan mengekalkan kosa kata baharu. Penggunaan penyaring Instagram ini juga dapat memberikan maklum balas serta merta dengan menggunakan teknologi waktu nyata atau *real-time technology* (RTT).



Maklum balas murid yang sangat memberangsangkan dapat dilihat dalam Jadual 3 yang berikut:

**Jadual 3: Borang Tinjauan dan Respons Pelajar**

No	Item	Peratusan Setuju
1	Penyaring Instagram ALIH KATA menarik dan menyeronokkan.	100%
2	Penyaring Instagram ALIH KATA membantu saya mengingat kosa kata baharu dengan lebih baik.	100%
3	Penyaring Instagram ALIH KATA berguna dalam mengulang kaji kosa kata.	100%
4	Saya lebih yakin menggunakan kosa kata baharu dalam bilik darjah.	100%
5	Saya berminat untuk menggunakannya pada masa hadapan.	100%
6	Jika diberi peluang, saya akan berkongsi penyaring Instagram ALIH KATA ini dengan pengguna bahasa Melayu yang lain.	100%

Berdasarkan dapatan daripada analisis data melalui renungan peribadi dan borang tinjauan yang dijalankan pada akhir sesi ini, didapati penyaring Instagram Alih Kata yang digunakan sebagai alat PdP dapat membantu dan merangsang pembelajaran pelajar. Kaedah gamifikasi juga merupakan daya tarikan bagi pelajar untuk mencuba mendapatkan jumlah jawapan yang betul dalam masa yang ditetapkan. Parameter sebegini meningkatkan tahap cabaran terhadap keupayaan pelajar dan hal ini menarik minat pelajar untuk mencuba mengatasi cabaran tersebut.

## CADANGAN

Csikszentmihalyi dalam Kim, et.al (2018) menyatakan bahawa pelajar akan hanya melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti yang mencabar tetapi darjah kepayahannya harus bersesuaian dengan keupayaan pelajar. Aktiviti yang terlalu sukar akan membuat pelajar berasa bimbang akan kelakonannya dan tidak akan mencuba untuk mengatasi kebimbangan itu. Andainya tugasan yang diberikan terlalu mudah, pelajar akan berasa bosan dan juga tidak akan mencuba aktiviti tersebut.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan penyaring di Instagram ini direka dalam bentuk bersiri; yang mempunyai tahap kesukarannya berbeza, sesuai dengan tahap kemahiran pelajar. Penyaring ini juga dapat disifatkan sebagai wadah yang dinamis dan boleh disesuaikan dengan istilah-istilah yang terkini; sama ada dalam tema yang sama mahupun dalam tema yang berlainan. Kemudahan penyaring ini diubah suai berdasarkan evolusi kosa

kata bagi memudahkan guru dan pelajar agar kekal mendapat istilah terkini dalam memperkaya kosa kata mereka selaras dengan tema yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Siri penyaring ini juga boleh diolah menjadi siri yang bersifat tematik dan mudah dimainkan, terutama sekali apabila mengisi masa pelajar ketika menunggu bas, mahupun menunggu guru masuk ke dalam bilik darjah, misalnya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan data yang diperoleh, semua responden menyatakan bahawa penyaring Instagram Alih Kata telah membantu mereka dalam memperoleh dan mengingat kosa kata yang mereka pelajari dengan cara yang menyeronokkan. Disebabkan faktor ‘seronok’ ini, mereka juga akan berkongsi penyaring Instagram Alih Kata ini dengan pengguna bahasa Melayu yang lain.

Sebagai nilai tambah, para pelajar dapat menggunakan penyaring Instagram Alih Kata ini sebagai salah satu cara untuk mengulangkaji kosa kata yang telah mereka pelajari, bukan hanya pada tema-tema yang ada dalam buku teks mereka, tetapi juga dapat melakukan pengukuhan untuk tema-tema yang telah mereka pelajari sepanjang mereka berada di peringkat sekolah menengah, mahupun setelah mereka menamatkan menjadi graduan sekolah persekolahan mereka. Oleh sebab kosa kata yang mereka pelajari ini merupakan kosa kata yang terkini, penyaring Instagram Alih Kata ini tentu sekali sesuai disebarikan atau dikongsikan dengan para pengguna bahasa Melayu yang lain kerana kerelevanannya.

Secara tidak langsung, penggunaan istilah bahasa Melayu yang tepat dapat dilestarikan oleh penutur bahasa Melayu. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa kajian ini telah dapat mengisi kelowongan cara para pelajar menyerap kosa kata yang baharu seiring dengan cara mereka berfikir dan memproses maklumat baharu sebagai warga digital.

Guru-guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Siti Nadhirah Hanafi
2. Muhammad Azizan Azhar



## RUJUKAN

- Acedo, M. (2020, July 28). *10 pros and cons of a flipped classroom*. TeachThought. <https://www.teachthought.com/learning/pros-and-cons-of-a-flipped-classroom/>
- Hanson, S., & Padua, J. (n.d.). *Teaching Vocabulary Explicitly*. ERIC - Education Resources Information Center. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED585172.pdf>
- Hussain, A. (2021, June 16). Keluarga Melayu Tidak Guna Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama di Rumah Naik Sepertiga. *Berita Mediacorp*. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/keluarga-melayu-tidak-guna-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-utama-di/4622096.html>
- Kim, S., Song, K., Lockee, B., & Burton, J. (2017). *Gamification in learning and education: Enjoy learning like gaming*. Springer.
- Nouri, J. (2016). The flipped classroom: For active, effective and increased learning – especially for low achievers. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 13(1). <https://doi.org/10.1186/s41239-016-0032-z>